

'PM tak buat keputusan sendiri'

Syed Saddiq tolak dakwaan Dr M tidak berbincang

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bh.com.my

Muar: Dakwaan bahawa Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan secara unilateral adalah satu pembohongan, sebaliknya ia dibuat secara bersama.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, berkata cara paling mudah untuk mendapat kebenaran berkaitan isu itu ialah bertanya kepada menteri yang juga berada dalam barisan Kabinet.

"Semua dibincangkan secara bersama. Contohnya, isu ICERD (Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum) ia dibincangkan dalam Kabinet.

"Isu Statut Rom dibincangkan dalam Kabinet, isu Lynas dan banyak perkara pun dibincangkan

(dalam Kabinet) dan juga dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH)," katanya ketika ditemui *BH* selepas menghadiri Program Korban Kelompok Parlimen Muar di Kampung Parit Payong, Jalan Abdul Rahman, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago yang mendakwa, Dr Mahathir bertindak membuat keputusan secara unilateral terutama membabitkan isu tulisan khat, Lynas dan beberapa isu lain walaupun datang daripada parti minoriti dalam PH.

Syed Saddiq yang juga Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata, keputusan yang dilakukan Dr Mahathir adalah keputusan konsensus.

"Tadi baru saya jawab dalam group (kumpulan) Ahli Parlimen itu sendiri dan saya tanya betul tak ini (mengeluarkan kenyataan terbabit). Saya tidak bersetuju (dengan kenyataan itu) kerana beberapa perkara.

"Dikatakan Dr Mahathir buat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada Majlis Presiden Pakatan Harapan dan Kabinet. Saya adalah seorang ahli Majlis Presiden



Dr Mahathir sentiasa berbincang sesuatu isu bersama anggota Kabinet.

Pakatan Harapan dan juga anggota Kabinet dan kami berbincang bersama," katanya.

Ahli Parlimen Muar itu berkata, sebelum membuat sebarang keputusan, Dr Mahathir akan memberi laluan kepada anggota Kabinet mengemukakan pandangan.

"Paling mudah boleh tanya ahli Kabinet dari parti sendiri. Charles Santiago dari DAP, dia boleh tanya

menteri daripada DAP yang ada dalam Kabinet.

"Tanya (adakah) itu keputusan konsensus atau keputusan yang dilakukan oleh seorang sahaja.

"Dr Mahathir cukup dikenali kalau buat mesyuarat, jika mesyuarat itu (sepatutnya) dua jam akan jadi empat jam sebab beliau (Dr Mahathir) biarkan semua bercakap, beliau dengar (pandangan semua) se-

"Isu Statut Rom dibincangkan dalam Kabinet, isu Lynas dan banyak perkara pun dibincangkan (dalam Kabinet) dan juga dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman,
Menteri Belia dan Sukan

belum buat keputusan," katanya.

Pada program itu, 30 lembu iaitu 28 sumbangan daripada Pejabat Ahli Parlimen Muar dan masing-masing seekor dari Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Balang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Maharani dikorbankan pada program yang diadakan di lima lokasi di kawasan Parlimen itu.